

Lebih RM5.2 bilion ditipu dalam talian

Polis telah siasat 71,833 kes jenayah komersial dari 2020 hingga Mei lalu

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
JOHOR BAHRU

Sebanyak 71,833 kes jenayah komersial yang dilaporkan sejak 2020 hingga Mei tahun ini sudah disiasat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) melibatkan nilai kerugian terhadap mangsa melebihi RM5.2 bilion.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, daripada jumlah tersebut, 48,850 kes atau 68 peratus merupakan jenayah penipuan dalam talian dan ia satu angka yang besar.

Menurut beliau, bagi kes

Love Scam sepanjang tahun 2020 mencatatkan 1,580 kes, manakala pada 2021 sebanyak 1,460 kes.

Jelas beliau, sindiket *Love Scam* biasanya melibatkan mereka yang menyamar sama ada sebagai lelaki atau wanita yang berpura-pura sebagai kekasih.

"Dalam kes melibatkan Macau Scam pula, bagi tahun 2020 dan 2021 masing-masing mencatatkan 2,254 dan 1,586 kes, manakala dari awal tahun ini hingga Mei lalu sebanyak 1,612 kes.

"Macau Scam biasanya anggota sindiket menyamar sebagai pihak berkuasa," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Kempen AntiScam Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2022 di Mid Valley SouthKey di sini pada Sabtu. Turut hadir Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Kamaruddin Mad Din dan Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat.

Mengulas lanjut, Acryl Sani

memberitahu, bagi jenayah membabitkan pembelian dalam talian atau e-dagang pula pada tahun 2020 merekodkan 5,851 kes, manakala pada 2021 sebanyak 9,569 kes dan dari awal tahun ini hingga Mei lalu sebanyak 3,833 kes.

Beliau berkata, polis akan terus memperhebatkan kempen kesedaran kepada orang ramai yang bermula November lalu di Kuala Lumpur.

"Mereka yang menjadi mangsa penipuan jenayah tersebut perlu tampil membuat aduan supaya pihak polis dapat bertindak sekali gus mengesan penjenayah siber yang terlibat.

"Ada mangsa yang tidak membuat laporan polis kerana merasa malu selain beranggapan jumlah yang ditipu kecil serta tidak mahu bersusah payah ke balai polis," jelasnya.

Dalam pada itu, Acryl Sani menjelaskan penggunaan internet secara meluas dalam masyarakat dan kebanyakan sektor



Acryl Sani (kanan) diberi penerangan pencegahan jenayah semasa melawat reruai selepas melancarkan Kempen AntiScam PDRM 2022 di Mid Valley South Key, Johor Bahru pada Sabtu.

ekonomi sejak pandemik Covid-19 melanda turut menyebabkan ramai yang terdedah dengan sindiket penipuan dalam talian.

"Polis akan bekerjasama menyediakan teks khutbah solat Jumaat mengenai jenayah komersial di masjid seluruh negara bermula 29 Julai ini," ujarnya.